



Headline: Wanita rugi RM39,440 diperdaya Macau Language: Malay
Scam

Publication/Portal: Utusan Sarawak
Date: 8 May 2019

Section: Nasional
Page: 8

Wanita rugi RM39,440 diperdaya Macau Scam



KETUA Polis Daerah Sibu, ACP Stanley Jonathan Ringgit.

SIBU: Taktik sindiket Macau Scam yang menakutkan seorang tukang cuci kononnya mempunyai hutang Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) membuah hasil apabila wanita itu mengalami kerugian

sehingga RM39,440.

Kejadian berlaku kira-kira pukul 10 pagi Isnin lalu, apabila mangsa berusia 43 tahun dan tinggal di Lorong Permai Jaya 9 dihubungi oleh seorang lelaki yang memperkenalkan

diri sebagai Sarjan Ong dari Balai Polis Ipoh.

Ketua Polis Daerah Sibu, ACP Stanley Jonathan Ringgit berkata, suspek mendakwa mangsa mempunyai kedai kopi di Ipoh dan mempunyai hutang GST yang belum dijelaskan.

"Suspek turut memberitahu bahawa kemungkinan terdapat individu lain yang telah menggunakan maklumat mangsa untuk membuka kedai tersebut.

"Bagi menakutkan lagi mangsa, suspek memaklumkan jika gagal menjelaskan hutang GST tersebut, beliau akan dimasukkan ke dalam lokap selama 45 hari," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurut Stanley, disebabkan rasa takut dan dipercayai panggilan tersebut, mangsa telah pergi ke salah sebuah bank di Jalan Tunku Osman kira-kira jam 1.31 petang pada hari yang sama dan telah memindahkan wang sebanyak RM24,440 dengan melakukan enam transaksi ke dalam akaun bank atas nama seseorang setelah diarahkan oleh suspek bagi tujuan membayar hutang GST tersebut.

"Seterusnya, pada hari yang sama juga kira-kira jam 2.37 petang, mangsa telah pergi ke salah sebuah bank di Jalan Kampung Nyabor untuk memindahkan wang berjumlah RM15,000 ke dalam akaun bank atas nama individu yang berbeza dari akaun sebelumnya dengan melakukan tiga transaksi bagi tujuan yang sama.

"Setelah membuat pembayaran, mangsa dimaklumkan bahawa wangnya akan dikembalikan semula dalam tempoh dua jam dan pihak kerajaan akan membantu menjelaskan hutang GST tersebut jika didapati pengadu tidak bersalah.

"Namun, setelah menunggu lebih dua jam, mangsa cuba menghubungi semula suspek tetapi gagal dan akhirnya mangsa sedar bahawa dirinya telah ditipu," jelasnya.

Tambah Stanley, mangsa yang merasakan dirinya ditipu telah tampil membuat laporan polis.

"Modus operandi kes adalah suspek telah memperdayakan mangsa untuk menyelesaikan hutang GST yang tidak wujud.

"Kes akan disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan," tegasnya.